

PM ucap Selamat Tahun Baru

KUALA LUMPUR, Ahad — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datin Seri Dr Siti Hasmah hari ini mengucapkan selamat menyambut Tahun Baru kepada semua rakyat Malaysia keturunan Cina.

Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba dalam perutusannya pula berharap seluruh rakyat Malaysia keturunan Cina menyambut perayaan itu dengan penuh kegembiraan kerana negara kini berada dalam keadaan aman manakala ekonomi pula semakin pulih.

"Kerajaan yang ada pada hari ini berazam melihat setiap rakyat dari apa juga keturunan dapat hidup dengan bebas dengan tiada pera-

saan takut," katanya.

Encik Ghafar berkata, kerajaan berharap setiap rakyat dapat hidup dengan selesa dan menyeru mereka bersatu serta bekerja lebih kuat untuk kepentingan negara.

Beliau juga meminta rakyat yang bukan keturunan Cina supaya mengambil kesempatan pada perayaan ini untuk menjalinkan tali persahabatan dengan penduduk keturunan Cina.

"Marilah kita berdoa supaya Majlis Perundangan Ekonomi Negara akan dapat melahirkan sesuatu yang akan berlaku adil kepada semua pihak dalam bidang ekonomi selepas tahun 1990," katanya. — Bernama.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia